

NAMA : TINGKATAN:.....

NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

SOALAN PERCUBAAN SPM 2026 (SET 1)
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

SEJARAH

Kertas 2

Ogos/2026

1249/2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

1. Perkembangan nasionalisme semakin rancak berikutan kewujudan pertubuhan atau persatuan yang bersifat sosio budaya dan politik.

(a) Namakan **dua** persatuan Melayu yang wujud dalam perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Huraikan perkembangan persatuan di 1 (a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Persatuan adalah kekuatan. Apabila wujud kerjasama dan kalaborasi, perkara yang luar biasa mampu dicipta .

Ulaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. Pembentukan Suruhanjaya Reid pada tahun 1956 merupakan antara langkah penting ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Namakan **dua** anggota Suruhanjaya Reid.

i.

ii.

[2 markah]

(b) Jelaskan terma rujukan yang diberi kepada Suruhanjaya Reid dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Suruhanjaya Reid ditubuhkan bagi merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Bagi memastikan perlembagaan yang digubal dapat memenuhi keperluan negara, suruhanjaya ini meminta cadangan daripada penduduk yang berminat secara bertulis atau lisan. Suruhanjaya ini turut menerima memorandum daripada pelbagai pihak untuk diteliti dan dipertimbangkan.

Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4

Jelaskan kesan kepada negara jika suruhanjaya tersebut tidak menjalankan tugasnya dengan berkesan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3. Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen berkait rapat dengan latar belakang sejarah pemerintahan beraja di negara kita.

(a) Nyatakan **dua** peruntukan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: www.malaysia.madani.gov.my/13 september 2024

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.

(a) Nyatakan **dua** kandungan laporan Jawatankuasa Kabinet.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Laporan Jawatankuasa Kabinet telah menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).
Huraikan matlamat pembentukan kurikulum tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghargai, menyokong serta memberikan komitmen terhadap kepentingan pendidikan bagi mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

Bagaimana impian tersebut dapat dicapai?

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. Malayan Union merupakan satu rancangan pentadbiran British yang mencetuskan bantahan hebat dalam kalangan orang Melayu.
- a) Jelaskan latar belakang gagasan Malayan Union. [6 markah]
- b) Bagaimanakah bantahan rakyat terhadap Malayan Union? [6 markah]
- c) Teliti poster berikut:



Sumber : <https://www.astroawani.com/> 25 Mac 2026

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

6 Perkembangan pengaruh komunis di negara kita berlaku sebelum meletusnya perang Dunia Kedua.

a) Jelaskan latar belakang kemunculan pengaruh komunis di negara kita. [4 markah]

b) Komunis telah melakukan pelbagai tindakan ganas yang menggugat keselamatan rakyat. Huraikan usaha kerajaan untuk membanteras ancaman komunis.

[8 markah]

c) Teliti puisi berikut.

"Negara Kita, Jiwa Merdeka"

Tanah ini bukan sekadar peta,
Ia nadi, ia roh, ia jiwa merdeka.
Dari jerih moyang yang rela berkorban,
Lahir semangat, teguh bertahan
Bahasa dijunjung, budaya dipelihara,
Agama dihormat, bangsa dibela.
Dari utara hingga ke selatan,
Kita berdiri - satu wawasan.

Beri ulasan anda

[8 markah]

7. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 oleh pihak British dan penduduk tempatan.

- a) Jelaskan faktor pembentukan Malaysia. [6 markah]
- b) Bagaimanakah reaksi negara jiran terhadap pembentukan Malaysia? [6 markah]
- c) Petikan berikut berkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia.

JAKARTA, 29 Julai – Malaysia dan Indonesia mencapai beberapa persetujuan penting termasuk isu sempadan, peluasan kerjasama ekonomi serta usaha mempercepat pelaksanaan projek tenaga baharu. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kedua-dua negara turut memeterai memorandum persefahaman (MoU) berkaitan isu sempadan, kesihatan, maklumat dan komunikasi serta tadbir urus Internet. Selain itu, kedua-dua negara berusaha memperkukuh perdagangan, pelaburan dan kemudahan akses rentas sempadan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat kedua-dua negara.

Sumber: Bernama. 29 Julai 2025

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah untuk memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan negara luar.

[8 markah]

8 Peristiwa rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 telah memberi pengajaran penting kepada rakyat Malaysia tentang kepentingan perpaduan kaum.

a) Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya peristiwa rusuhan kaum tersebut? [4 markah]

b) Huraikan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi peristiwa tersebut. [8 markah]

c) Petikan berikut berkaitan perpaduan di Malaysia.

Perpaduan kaum dan semangat saling menghormati merupakan teras utama kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara majmuk. Kekuatan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui pencapaian ekonomi semata-mata, sebaliknya turut bergantung kepada keutuhan hubungan antara rakyat pelbagai kaum dan agama. Kelangsungan sesebuah negara, khususnya negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan kita untuk saling menerima sebagai satu keluarga besar.

Semangat kebersamaan dan rasa hormat itu jelas terserlah dalam sambutan pelbagai perayaan di negara ini, termasuk Tahun Baharu Cina, Ponggal dan Ramadan yang diraikan dalam suasana saling memahami. Nilai hormat dan toleransi itu perlu terus dipelihara agar keharmonian yang dinikmati tidak tergugat. Keupayaan rakyat untuk hidup sebagai satu keluarga besar merupakan asas penting dalam memastikan kestabilan serta masa depan negara terus terpelihara.

Sumber: Diubah suai daripada <https://berita.rtm.gov.my/>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan harapan terhadap perpaduan di Malaysia pada masa hadapan.

[8 markah]

9 Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menjalin hubungan ekonomi antarabangsa bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

a) Jelaskan peranan Malaysia dalam aspek berikut:

(i) Kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga.

[3 markah]

(ii) Mengantarabangsakan sistem ekonomi Islam.

[3 markah]

b) Huraikan wawasan Malaysia menuju masa hadapan yang cemerlang dalam pelbagai bidang.

[6 markah]

c) Maklumat berikut berkaitan cabaran Malaysia dalam ekonomi antarabangsa.



Beri ulasan anda.

[8 markah]

-KERTAS SOALAN TAMAT-